KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	11/1/2022 (SELASA)	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	KeTSA			

PERKASAKAN SUARA MALAYSIA

Tinggal 150 ekor sahaja

Kerajaan pandang serius usaha tangani kepupusan populasi Harimau Malaya

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kerajaan serius menangani isu populasi Harimau Malaya yang semakin terancam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, bilangan Harimau Malaya atau nama saintifiknya *Panthera Tigris Jacksoni* di hutan negara yang kini direkodkan kurang daripada 150 ekor.

"Antara lain, ia disebabkan kehilangan habitat dan sumber makanan akibat perubahan guna tanah, pemburuan serta perdagangan haram selain penularan virus *canine distemper*," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Menurutnya, Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] telah dipinda dan diluluskan oleh Parlimen pada 21 Disember 2021 untuk meningkatkan keberkesanan perundangan konservasi hidupan liar termasuk Harimau Malaya.

"Melalui pindaan tersebut, denda maksimum ditingkatkan daripada RM500,000 kepada RM1 juta dan penjara maksimum daripada 10 kepada 15 tahun supaya mencegah dan memberi pengajaran kepada pelaku jenayah hidupan liar," katanya.

Tegas Perdana Menteri, terdapat peruntukan baharu bagi membolehkan tindakan diambil terhadap individu yang mengiklankan penjualan hidupan liar dalam talian.

"Jika tindakan segera tidak dilakukan, Malaysia berhadapan risiko kepupusan Harimau Malaya yang menjadi simbol Jata Negara, lambang negeri-negeri serta pelbagai kementerian, jabatan dan agensi," kata beliau.

Perkara yang lebih membimbangkan beliau, spesies ikonik negara akan hilang buat selama-lamanya.

"Mesyuarat pertama Pasukan Petugas Kebangsaan Bagi Konservasi Harimau Malaya (MyTTF) bersetuju dengan Tindakan-Tindakan Strategik Bagi Konservasi Harimau Malaya bagi tempoh 10 tahun 2021 hingga 2030 melalui enam pendekatan," katanya.

Ia merangkumi rondaan penguatkuasaan dan pengawalan melibatkan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta komuniti orang asli.

"Pengekalan dan pengukuhan habitat melalui pengurusan guna tanah yang mampan diambil dan sebarang kegiatan pencerobohan serta pemburuan haram dihentikan," katanya.

Ismail Sabri berkata, kawasan hutan sedia ada di semenanjung ditingkatkan daripada 43.41 kepada 50 peratus menjelang tahun 2040 selaras dengan Rancangan Fizikal Negara Keempat.

"Unit Konservasi Harimau Malaya di bawah Perhilitan dan Biro Jenayah Hidupan Liar di bawah PDRM ditubuhkan serta Makmal Forensik Hidupan Liar Kebangsaan sebagai *centre of excellence* diperkukuhkan bagi konservasi ex-situ Harimau Malaya," katanya.


Kempen Selamatkan Harimau Malaya turut diadakan bagi meningkatkan kesedaran dan penglibatan rakan strategik.

MyTTF dipengerusikan Ismail Sabri dan dihadiri Menteri Besar Negeri Sembilan, Pahang, Selangor serta ahli majlis kerajaan negeri mewakili Menteri Besar Kelantan, Terengganu, Johor, Kedah dan Perak.

Di peringkat Persekutuan, ia dihadiri Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan dan Menteri Kewangan, Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz serta wakil kementerian, jabatan dan agensi yang berkaitan.



Ismail Sabri (tengah) mempengerusikan mesyuarat Pertama Pasukan Petugas Kebangsaan Bagi Konservasi Harimau Malaya di Putrajaya.



Unit Komunikasi Korporat I Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 I Faks : 03-8889 4763 I Web : www.ketsa.gov.my

 KeTSAMalaysia  KeTSAMalaysia  ketsa.malaysia